

## **Anda & Persekitaran**

Menunggang skuter sebagai seorang pemilik adalah suatu perkara yang menyeronokkan namun anda harus juga menjaga keadaan persekitaran.

### **Pilih Pembersih Yang Sesuai**

Gunakan pembersih yang boleh dibiodegradasikan untuk mencuci skuter anda. Elak menggunakan pencuci semburan aerosol yang mengandungi kloroflorokarbon (CFCs) yang mampu merosakkan lapisan ozon.

### **Kitar Semula Bahan Buangan**

Takungkan minyak dan bahan buangan dalam bekas yang sesuai dan hantarkan ke pusat kitar semula.

Hubungilah pejabat perkhidmatan awam atau perkhidmatan alam sekitar tempatan atau negeri untuk mengetahui lokasi pusat kitar semula, dan dapatkan maklumat cara yang betul untuk membuang bahan yang tidak boleh dikitar semula.

Jangan tuang minyak enjin ke dalam tong sampah, longkang atau di atas tanah. Minyak-minyak yang terpakai, cecair penyejuk dan cecair pembersih mengandungi racun yang boleh mencederakan pekerja dan mencemarkan air minuman, tasik, sungai dan laut.

### **Apabila Bateri untuk Sistem Hibrid Dibuangkan**

HONDA mengumpul dan mengitar semula bateri Li-on (Litium-ion) terpakai.

Dapatkan nasihat dengan wakil pengedar yang sah untuk pembuangan bateri yang betul sekiranya skuter anda tidak dapat dibaiki.